

07/02/1999

Tokoh sokong keputusan MT

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak berpendapat keputusan Majlis Tertinggi Umno (MT) supaya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjalankan semua tugas Timbalan Presiden Umno yang kosong sejak September lalu amat bersesuaian dan dapat melicinkan jentera parti itu.

Di IPOH, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang menyokong keputusan itu, berkata kekosongan jawatan itu sejak sekian lama, wajar diisi meskipun secara sementara bagi menjalankan tugas hingga pemilihan dilakukan.

Beliau yang juga Menteri Besar, berkata seseorang perlu menjalankan tugas itu dan penyerahan tanggungjawab kepada Abdullah adalah tepat dengan tradisi Umno sesuai kedudukannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Perkara itu bukan aneh dan Umno selalu melakukannya," katanya mengulas mengenai keputusan yang dicapai pada mesyuarat MT yang dipengerusikan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin.

Abdullah ketika mengumumkan perkara itu berkata, keputusan itu bukan bermakna beliau menjadi pemangku atau dilantik timbalan presiden tetapi diarah menjalankan tugas timbalan presiden.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata keputusan MT itu dilakukan mengikut amalan dan bersesuaian dengan keperluan kerajaan dan parti.

Ini kerana, katanya, Dr Mahathir ada ketikanya perlu mewakilkan tugasnya kepada seseorang dan individu yang sesuai ialah timbalannya.

"Di JOHOR, Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata keputusan MT memberi kuasa kepada Abdullah menjalankan tugas timbalan presiden Umno tepat pada masanya bagi membantu presiden menjalankan tugas parti."

Sambil mengalu-alukan keputusan itu, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat, menganggap ia membuktikan kewibawaan BN untuk terus menjadi pilihan rakyat, sekali gus mempertingkatkan keyakinan orang ramai terutama menjelang pilihan raya yang boleh diadakan pada bila-bila masa.

Di ALOR STAR, Kelab Bekas Pemimpin Belia, Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Kedah, menyifatkan keputusan itu sebagai wajar.

Pengerusinya, Datuk Shuib Endut, berkata keputusan MT itu sangat tepat berikutan jawatan berkenaan kosong selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada Umno.

Di KOTA BHARU, Setiausaha BN negeri, Datuk Ariffin Hamid, berkata pemilihan Abdullah akan melicinkan pergerakan parti dan memudahkan Dr Mahathir memberi tumpuan untuk pemulihan ekonomi.

(END)